

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM YOUNG ART ENTREPRENEURS (YAE!) KOHORT KE-11

**19 DISEMBER 2025** – Balai Seni Negara meneruskan komitmen dalam memperkasa ekosistem seni dan industri kreatif tempatan menerusi penganjuran Program Young Art Entrepreneurs (YAE!), yang kini memasuki Kohort ke-11. Program YAE! dirancang bagi melahirkan usahawan muda seni yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing, dengan memberi fokus kepada keupayaan menjana pendapatan secara mampan melalui karya, produk dan perkhidmatan kreatif.

Inisiatif keusahawanan seni yang komprehensif ini dilaksanakan pada tahun ini melalui kerjasama strategik bersama Malaysia Design and Development Centre (DDEC). YAE! Kohort ke-11 menampilkan penyertaan seramai 20 peserta daripada pelbagai latar belakang yang mengikuti sesi pembelajaran keusahawanan secara intensif. Bermula pada September 2025, program ini berlangsung selama empat bulan, merangkumi modul pembelajaran intensif, pembangunan produk kreatif, serta pendedahan kepada pasaran sebenar.

Program ini seterusnya diperkukuh dengan sesi *mentorship* selama tiga bulan, bertujuan membimbing peserta dalam memperhalusi strategi perniagaan, penjenamaan, dan pemasaran. Menariknya, kohort kali ini turut menggabungkan penyertaan peserta baharu serta alumni YAE! bagi mewujudkan perkongsian perspektif yang lebih inklusif dalam pembangunan produk dan keusahawanan seni.

Bagi memeriahkan penganjuran Program Young Art Entrepreneurs (YAE!) tahun ini, Balai Seni Negara akan menganjurkan **Kontena Seni, Warna & Warisan** di **Art Depot, Balai Seni Negara**, yang berlangsung dari **20 Disember 2025 hingga 1 Februari 2026** bermula **jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang**. Sepanjang tempoh penganjuran, pelbagai bengkel seni dan aktiviti kreatif akan diadakan bagi memberi pendedahan, pengalaman pembelajaran serta penglibatan langsung kepada pengunjung.

Penganjuran ini turut diserikan dengan **YAE! Open Day**, pada **20 dan 21 Disember 2025**, yang berfungsi sebagai platform utama bagi peserta mempamer dan memasarkan hasil seni serta produk keusahawanan mereka kepada umum. Selain itu, ia turut menjadi wadah interaksi secara langsung antara peserta dengan orang ramai, pembeli, pengumpul seni serta pemain industri kreatif, sekali gus memperluas jaringan dan peluang pasaran mereka. Program ini seterusnya akan diakhiri dengan *Final Show* yang dijadualkan berlangsung pada Januari 2026.

Melalui penganjuran YAE!, Balai Seni Negara berharap program ini dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan bakat usahawan muda seni, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan industri seni dan kreatif negara secara berterusan. Justeru, orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan **Kontena Seni, Warna & Warisan** serta **YAE! Open Day** di **Art Depot, Balai Seni Negara**.

Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my).

---

*Dikeluarkan:*

**Unit Komunikasi Korporat  
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala

Lumpur Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**Balai Seni Negara:**

**Mohd Zuriyadi Sarpin**

T: +60 11 1005 5207

E: [zuriyadi@artgallery.gov.my](mailto:zuriyadi@artgallery.gov.my)

**Intan Syazwina Suhaimi**

T: +60 19 998 5884

E: [syazwina@artgallery.gov.my](mailto:syazwina@artgallery.gov.my)